

## Pelan Simpanan SmartSavers-i

## Nama Produk: Pelan Simpanan SmartSavers-i OCBC

Apa itu Pelan Simpanan SmartSavers-i OCBC?

Pelan simpanan dengan kadar keuntungan menarik untuk menggalakkan tabiat menabung yang berdisiplin. Pelan Simpanan SmartSavers-i merangkumi Akaun SmartSavers-i, Akaun SmartSavers Junior-i dan Akaun iQ SmartSavers-i (melainkan dinyatakan sebaliknya)

## Maklumat Am

Kontrak Syariah	Tawarruq
Definisi dan Ciri-ciri Penting	Tawarruq merujuk kepada jualan aset yang dimiliki dan dalam pegangan penjual pada harga tertangguh, dan aset tersebut kemudiannya dijual oleh pembeli kepada pihak yang bukan penjual asal secara tunai bagi tujuan mendapatkan tunai.
Bagaimana Produk ini Berfungsi?	<p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan melalui urusan dwi agensi. Di bawah urusan ini, OCBC Al-Amin akan bertindak sebagai ejen pelanggan untuk menyelesaikan transaksi Tawarruq. Secara asasnya, Pelanggan adalah penjual dan OCBC Al-Amin adalah pembeli komoditi pada harga tertangguh. Penerangan terperinci adalah seperti berikut:</p> <p>Pelanggan mendepositkan dana* dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen pelanggan untuk membeli komoditi. Komoditi ialah Minyak Sawit Mentah (“CPO”) atau lain-lain komoditi bukan Ribawi patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin.</p> <p><b>*Dana Pelanggan: Harga Belian Pelanggan</b></p> <p>OCBC Al-Amin membeli komoditi sebagai ejen pelanggan daripada broker pada harga semasa. Jika tiada permintaan untuk serahan komoditi secara fizikal, pelanggan memberi kuasa dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen (Wakil) untuk menjual komoditi tersebut kepada mana-mana pihak, termasuk OCBC Al-Amin sendiri setelah pelanggan memiliki komoditi secara konstruktif (Qabd al-Hukmi) dalam jumlah yang setara dengan Harga Belian Bank. OCBC Al-Amin kemudian membeli komoditi tersebut daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan**.</p> <p><b>**Kos ditambah keuntungan: Harga Belian Bank</b></p> <p>Keuntungan akan diakru setiap hari dan dikreditkan ke akaun pelanggan pada akhir bulan.</p> <p>Transaksi Tawarruq akan dijalankan pada setiap hari perdagangan sebuah platform dagangan yang dipilih oleh OCBC Al-Amin, asalkan hari perdagangan adalah hari perbankan di Kuala Lumpur.</p>
<b>Aset Patuh Syariah</b>	
Minyak Sawit Mentah (“CPO”) atau lain-lain komoditi bukan Ribawi yang patuh Syariah yang ditentukan oleh OCBC Al-Amin sebagai wakil kepada pelanggan.	
<b>Kelayakan</b>	
Syarat Umur (SmartSavers-i & iQ SmartSavers-i)	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).
Syarat Umur (SmartSavers Junior-i)	Ibu bapa atau penjaga sah (sekurang-kurangnya 18 tahun) yang diamanahkan bagi kanak-kanak berkelayakan (didefinisikan sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun).
Kewarganegaraan	Terbuka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).

**Produk Kekayaan OCBC Al-Amin**  
**Lembaran Maklumat Produk Deposit**

**Pelan Simpanan SmartSavers-i**

<b>Dokumen yang Diperlukan (SmartSavers-i &amp; iQ SmartSavers-i)</b>	Kad Pengenalan atau Pasport																
<b>Dokumen yang Diperlukan (SmartSavers Junior-i)</b>	Ibu bapa atau penjaga sah berumur 18 tahun ke atas: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Pengenalan, Pasport atau Sijil Penjaga Sah (jika berkenaan)</li> </ul> Kanak-kanak berkelayakan di bawah 18 tahun (akaun pegangan amanah) <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kad Pengenalan atau Pasport dan Surat Beranak</li> </ul>																
<b>Simpanan Permulaan Minimum</b>	RM200																
<b>Baki Minimum untuk Mengelakkan Akaun</b>	RM20 Sebarang transaksi yang menyebabkan baki akaun kurang daripada baki minimum akan ditolak.																
<b>Kadar Keuntungan</b>																	
<b>Pengiraan Keuntungan</b>	Kadar keuntungan bagi Akaun ini tertakluk kepada perubahan selaras dengan pergerakan kadar keuntungan secara amnya. Kadar keuntungan seperti yang tertera di dalam seksyen "Kadar Keuntungan" akan dikenakan kepada jumlah baki di dalam Pelan Simpanan SmartSavers-i dan keuntungan akan terakru secara harian. Keuntungan akan dikreditkan ke dalam Akaun SmartSavers-i setiap bulan.																
<b>Kadar Keuntungan</b>	Kadar keuntungan akan ditentukan oleh dua faktor di bawah: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah deposit terkumpul yang dilakukan oleh pelanggan ke dalam Pelan Simpanan SmartSavers-i mereka pada setiap bulan kalendar.; dan</li> <li>• Sebarang pengeluaran daripada Pelan Simpanan SmartSavers-i yang dilakukan pada setiap bulan calendar</li> </ul>																
<b>Akaun SmartSavers-i</b>																	
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Tier</th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">Tier</th> <th style="text-align: center;">Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar</th> <th style="text-align: center;">Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar</th> <th style="text-align: center;">Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalendar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">RM0 – RM999.99</td> <td style="text-align: center;">0.85</td> <td style="text-align: center;">0.05</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">RM1,000 ke atas</td> <td style="text-align: center;">1.25</td> <td style="text-align: center;">0.05</td> </tr> </tbody> </table>		Tier		Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*		Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar	Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalendar	1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05	2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05
Tier		Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*															
Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar	Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalendar														
1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05														
2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05														
<b>Akaun SmartSavers Junior-i</b>																	
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th colspan="2" style="text-align: center;">Tier</th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*</th> </tr> <tr> <th style="text-align: center;">Tier</th> <th style="text-align: center;">Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar</th> <th style="text-align: center;">Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar</th> <th style="text-align: center;">Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalendar</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td style="text-align: center;">RM0 – RM999.99</td> <td style="text-align: center;">0.85</td> <td style="text-align: center;">0.05</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td style="text-align: center;">RM1,000 ke atas</td> <td style="text-align: center;">1.25</td> <td style="text-align: center;">0.05</td> </tr> </tbody> </table>		Tier		Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*		Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar	Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalendar	1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05	2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05
Tier		Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*															
Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar	Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalendar														
1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05														
2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05														

**Produk Kekayaan OCBC Al-Amin**  
**Lembaran Maklumat Produk Deposit**

**Pelan Simpanan SmartSavers-i**

Kadar Keuntungan (sambungan)		Akaun iQ SmartSavers-i		
Tier	Simpanan Tetap Bulanan	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalender	Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*	
			Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalender	Sekurang-kurangnya satu pengeluaran sepanjang bulan kalender
1	RM0 – RM990	RM00 – RM999.99	0.85	0.05
2	RM1,000 ke atas	RM1,000 ke atas	1.25	0.05

Contoh pengiraan kadar keuntungan

1. Pelanggan membuat deposit:
  - a) 01/07 => Pelanggan mendeposit RM30 ke dalam Pelan Simpanan SmartSavers-i
  - b) 15/07 => Pelanggan membuat deposit tambahan RM500 ke dalam Pelan Simpanan SmartSavers-i
2. Akruan harian bagi pengiraan kadar keuntungan asas:
  - a) Dari 01/07 hingga 14/07 => Akruan Keuntungan =  $(RM30 \times 0.05\% \times 14 \text{ hari} / 365 \text{ hari}) = RM0.00058$
  - b) Dari 15/07 hingga 31/07 => Sistem akan mengakru keuntungan =  $(RM530 \times 0.05\% \times 17 \text{ hari} / 365 \text{ hari}) = RM0.01234$ 
    - Jumlah akruan keuntungan asas = RM0.01292
3. Keuntungan tambahan pada hujung bulan sekiranya tiada pengeluaran dibuat:
  - a) Dari 01/07 hingga 14/07 => Sistem akan mengakru keuntungan =  $[RM30 \times 0.80\% (\text{i.e. } 0.85\% - 0.05\%) \times 14 \text{ hari} / 365 \text{ hari}] = RM0.00921$
  - b) Dari 15/07 hingga 31/07 => Sistem akan mengakru keuntungan =  $[RM530 \times 0.80\% (\text{i.e. } 0.85\% - 0.05\%) \times 17 \text{ hari} / 365 \text{ hari}] = RM0.19748$ 
    - Jumlah akruan keuntungan tambahan = RM0.20669

Kadar ini digunakan sewaktu penerbitan. Kadar terkini boleh didapatkan di laman web OCBC Malaysia. Keuntungan akan dibayar oleh OCBC Al-Amin pada kadar di tetapkan oleh OCBC Al-Amin. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.

**Pengiraan Keuntungan jika Berlaku Penutupan Akaun**

Penutupan akaun akan dianggap sebagai pengeluaran. Sekiranya akaun ditutup, kadar keuntungan 0.05% setahun akan diguna pakai untuk mengira akruan keuntungan harian ke atas jumlah akaun sehingga hari sebelum penutupan akaun untuk bulan kalender.

**Perkhidmatan**

**Perkhidmatan yang Dikecualikan**

Akaun SmartSavers Junior-i tidak bercirikan penggunaan kad Debit. Walau bagaimanapun, mentag kad Debit ibu bapa/ penjaga yang sedia ada dengan Akaun SmartSavers Junior-i yang dipegang secara amanah untuk anak mereka adalah dibenarkan. Sebarang pengeluaran tunai mestilah dilakukan di kaunter mana-mana cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan/atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad. Caj tidak akan dikenakan.

**Perbankan Online OCBC**

Lobi Perbankan Elektronik – eLobby

- Perkhidmatan ATM yang menyediakan pengeluaran tunai, pindahan dana, pertanyaan baki, permohonan buku cek dan banyak lagi – 24 jam sehari, 7 hari seminggu.
- Mesin Simpanan Tunai membolehkan anda mendeposit atau membayar wang tunai

**Produk Kekayaan OCBC Al-Amin**  
**Lembaran Maklumat Produk Deposit**

**Pelan Simpanan SmartSavers-i**

	<p>dengan atau tanpa kad Debit ke akaun anda sendiri atau akaun OCBC pihak ketiga.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mesin Kemasukan Cek memberikan anda cara mudah dan pantas untuk memasukkan cek ke dalam akaun-akaun OCBC.</li> </ul> <p>Perbankan Internet OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Akses akaun OCBC anda 24 jam sehari dengan selesa dari rumah atau pejabat anda. Daftar percuma dengan nombor kad Debit dan PIN di laman web OCBC Malaysia.</li> </ul> <p>Perbankan Telefon OCBC</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jawapan kepada pertanyaan perbankan anda kini hanya dengan satu panggilan sahaja. Pilih daripada menu layan diri atau berbual dengan Eksekutif Perkhidmatan Pelanggan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines &gt; Personal Banking di laman web OCBC Malaysia).</li> </ul> <p>Nota: Anda hanya boleh menyemak baki menggunakan Perbankan Internet sekiranya anda mempunyai akaun Perbankan Internet sedia ada.</p>				
<b>Pengeluaran Antara Cawangan</b>	Sehingga RM300,000 bagi setiap akaun setiap hari.				
<b>Simpanan Bulanan</b>	<p>Pelanggan boleh menyediakan arahan tetap daripada akaun OCBC Bank sedia ada; deposit tunai melalui Mesin Kemasukan Tunai atau pemindahan dana melalui GIRO untuk jumlah simpanan tetap bulanan.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika pelanggan menyediakan arahan tetap ke akaun, pelanggan mesti memutuskan tentang jumlah simpanan tetap bulanan apabila membuka akaun. Jumlah simpanan bulanan minimum adalah RM10 dan mestilah dalam gandaan RM10. Pelanggan boleh mengubah jumlah simpanan bulanan melalui arahan tetap baru sekali dalam setahun.</li> <li>Deposit yang dilakukan pada bila-bila masa adalah dibenarkan.</li> </ul>				
<b>Ciri-ciri dan Manfaat</b>					
<b>Penyata Akaun</b>	<p>Akaun anda didatangkan dengan penyata elektronik secara asal yang boleh didapat di Perbankan Online OCBC dan/atau dihantar ke alamat e-mel anda. Penyata bercetak hanya akan dihantar kepada anda setiap bulan atas permintaan.</p> <p>Caj RM10.00 sebulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan.</p>				
<b>Insurans Simpanan</b>	<p>Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.</p> <p>Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapat di kaunter kami atau layari laman web PIDM.</p>				
<b>Pengendalian Akaun Dorman</b>	<p>Mana-mana akaun simpanan atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dianggap sebagai akaun dorman.</p> <table border="1" style="width: 100%;"> <tr> <td style="width: 50%;">Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00</td><td style="width: 50%;">Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.</td></tr> <tr> <td>Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00</td><td>Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Ditutup". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Ditutup".</td></tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad secara peribadi.</p>	Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Ditutup". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Ditutup".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.				
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tidak Ditutup". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tidak Ditutup".				
<b>Polisi Wang yang Tak</b>	Mana-mana akaun dengan baki kredit tetapi kekal dorman selama (7) tahun atau lebih				

**Produk Kekayaan OCBC Al-Amin**  
**Lembaran Maklumat Produk Deposit**

**Pelan Simpanan SmartSavers-i**

<b>Dituntut</b>	akan dipindahkan kepada "Wang Yang Tidak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.
<b>Pengendalian Akaun Bersama</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Akaun Bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan semasa permohonan.</li> <li>Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun.</li> </ul>
<b>Pengendalian Akaun Bersama (sambungan)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang berdaftar dengan OCBC Al-Amin atau lain-lain maklumat, akan diberi dalam bentuk bertulis (atau mana-mana cara lain yang dibenarkan OCBC Al-Amin) oleh semua pemegang akaun bersama, melainkan diarahkan secara bertulis oleh semua pemegang akaun bersama.</li> <li>Semua pemegang Akaun Bersama bertanggungjawab secara bersama dan berasingan ke atas semua transaksi yang timbul daripada arahan tersebut.</li> <li>Jika OCBC Al-Amin Bank Berhad menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada individu yang diberi kuasa atau bukan daripada individu yang diberi kuasa, OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh memilih untuk bertindak atas mandat yang diberi oleh semua pemegang Akaun Bersama.</li> <li>Sebaik menerima notis kematian bagi salah seorang atau lebih daripada seorang pemegang Akaun Bersama, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk membayar baki simpanan atau baki kredit dengan sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, dengan syarat sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin Bank Berhad layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut.</li> <li>OCBC Al-Amin Bank Berhad boleh membenarkan para pemegang Akaun yang masih hidup untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada penunaian Terma dan Syarat sebagaimana yang dikenakan oleh OCBC Al-Amin Bank Berhad.</li> </ul>

**Ringkasan Yuran dan Caj**

<b>Penutupan Awal</b>	• Dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan	RM20
<b>Akaun Dorman</b>	Akaun akan dorman jika tiada sebarang aktiviti dalam masa 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir	Akaun dengan baki sehingga RM10.00: Baki akan diserap dan akaun akan ditutup.  Akaun dengan baki melebihi RM10.00: RM10.00 setahun sehingga tahun ke-7, baki (jika ada) akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut".

**Produk Kekayaan OCBC Al-Amin**  
**Lembaran Maklumat Produk Deposit**

**Pelan Simpanan SmartSavers-i**

<b>Kad Debit-i</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Yuran Pendaftaran (Yuran sekali bayar)</li> <li>• Yuran Tahunan</li> </ul>		RM8.00 RM8.00 setahun
<b>Perkhidmatan Pengeluaran Tunai</b> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengeluaran dari mana-mana ATM luar negara yang tertera logo MasterCard</li> <li>• Pengeluaran dari ATM bank yang menyertai rangkaian ATM perkongsian MEPS</li> <li>• Pengeluaran dari ATM HSBC, UOB, Standard Chartered Bank (dalam Malaysia)</li> <li>• Pengeluaran dari mana-mana ATM di bawah kendalian kumpulan OCBC yang tertera logo OCBC di Malaysia, Singapura, Macau, Hong Kong dan Indonesia</li> </ul>		RM10.00  Sehingga RM1.00* untuk setiap transaksi (ditentukan oleh Institusi Kewangan yang memberikan perkhidmatan ATM) RM1.00  Tiada caj
Pemindahan Segera MEPS menerusi ATM MEPS		Tiada caj (untuk transaksi berjumlah RM5,000 dan ke bawah); Yuran ditentukan oleh institusi kewangan yang menyediakan kemudahan ATM (bagi transaksi berjumlah RM5,000 ke atas)
Pemindahan Segera MEP dari ATM OCBC		Tiada caj
Yuran Penggantian Kad		RM12.00
Yuran Dapatan Semula Resit Jualan		RM15.00 untuk salinan asli RM8.00 untuk salinan kedua
Yuran Tukaran Luar Negara		Kadar Tukaran sepetimana ditetapkan oleh VISA, MasterCard atau AMEX, ditambah apa-apa yuran pentadbiran yang dikenakan oleh VISA, MasterCard atau AMEX
Yuran dan Caj-caj Lain		Sila rujuk Personal Banking > Fees & Charges di laman web OCBC Malaysia <a href="#">untuk yuran dan caj-caj lain</a>
<b>Maklumat Perhubungan</b>		
<b>OCBC Al-Amin Bank Berhad</b>	<p>Untuk maklumat lanjut atau pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami (sila rujuk Customer Service Hotlines &gt; Personal Banking di laman web OCBC Malaysia) atau kunjungi cawangan-cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad atau OCBC Bank (Malaysia) Berhad yang berhampiran.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p>	

**Produk Kekayaan OCBC Al-Amin**  
**Lembaran Maklumat Produk Deposit**

**Pelan Simpanan SmartSavers-i**

	<p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut atau emel kepada alamat berikut (sila rujuk Help &amp; Support &gt; The Dispute Resolution Process di laman web OCBC Malaysia):</p> <p style="text-align: center;"><b>Service Transformation Department</b></p> <p style="text-align: center;">OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (dahulu dikenali sebagai Biro Pengantara Kewangan) boleh dihubungi atau emel (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Ombudsman Perkhidmatan Kewangan); atau Bank Negara Malaysia (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia).</p>
<b>Bank Negara Malaysia</b>	Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari • Laman web MyCoverage Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK (sila rujuk Hubungi Kami di laman web Bank Negara Malaysia)
<b>Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)</b>	Hubungi talian hotline (boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang) atau emel kepada PIDM (sila rujuk Hubungi Kami di laman web PIDM)

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara-perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'seperti yang terdapat' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin Bank Berhad tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarnya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi akaun simpanan Pelan Simpanan SmartSavers-i OCBC Al-Amin ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin Bank Berhad dan di laman web OCBC Malaysia. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin Bank Berhad terlebih dahulu.

**Pelan Simpanan SmartSavers-i  
Terma dan Syarat**  
**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit**

**1 Pelan Simpanan SmartSavers-i**

- 1.1 Pelan Simpanan SmartSavers-i OCBC Al-Amin ("Pelan") menawarkan akaun simpanan yang memberikan kadar keuntungan yang tinggi kepada pelanggan bagi menggalakkan tabiat menyimpan berdisiplin yang membantu pelanggan mencapai matlamat pengumpulan harta mereka; tertakluk pada terma dan syarat yang dinyatakan di sini.
- 1.2 Akaun ini ditawarkan berdasarkan prinsip Tawarruq tertakluk kepada terma dan syarat Akaun Simpanan Tawarruq di dalam OCBC Al-Amin Akaun & Servis – Terma dan Syarat Utama, kecuali yang dimaklumkan selainnya.
- 1.3 Pelan ini boleh didapat di semua cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad ("OCBC") dan OCBC Al-Amin Bank Berhad ("OCBC Al-Amin") di Malaysia.
- 1.4 Kadar keuntungan Pelan ini dikemaskini dari semasa ke semasa bagi paparan di laman web OCBC Malaysia.

**2 Kelayakan**

- 2.1 Pelan ini ditawarkan kepada semua warganegara Malaysia, pemastautin, bukan pemastautin (tertakluk kepada negara asal), kakitangan dan ejen OCBC Bank, e2 Power Sdn Bhd dan OCBC Al-Amin serta syarikat berkaitan dengan OCBC dan OCBC Al-Amin di Malaysia dan ahli keluarga terdekat; tertakluk kepada syarat kelayakan dinyatakan di bawah.
- 2.2 Pelanggan korporat (akaun syarikat) tidak layan membuka Pelan ini.
- 2.3 Pelanggan yang mempunyai akaun di OCBC Bank dan/atau OCBC Al-Amin yang telah digantung, dibatalkan atau telah melanggar mana-mana perjanjian lain dengan OCBC Bank dan/atau OCBC Al-Amin tidak layak membuka Pelan ini.

**3 Pelan**

- 3.1 Terdapat dua (2) Akaun Simpanan SmartSavers-i (secara terkumpul, "Akaun-akaun Simpanan Pelan SmartSavers-i", di mana salah satu "Akaun Simpanan SmartSavers-i") yang ditawarkan di bawah Pelan ini, iaitu:
  - Akaun SmartSavers Junior-i OCBC Al-Amin ("SSJA-i"); dan
  - Akaun SmartSavers-i OCBC Al-Amin ("SSA-i").

**3.2 Akaun SmartSavers Junior-i OCBC Al-Amin (SSJA-i)**

**3.2.1 Ciri-ciri SSJA-i**

Kelayakan	1. Ibu bapa atau penjaga sah (sekurang-kurangnya 18 tahun) yang diamanahkan bagi kanak-kanak berkelayakan (didefinisikan sebagai individu yang berumur di bawah 18 tahun).																
Pemegang Akaun	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Untuk membuka Akaun SmartSavers Junior-i OCBC Al-Amin, salah seorang pemegang akaun haruslah seorang kanak-kanak berkelayakan berumur di bawah 18 tahun; dan</li> <li>• Pemegang akaun utama haruslah kanak-kanak berkelayakan tersebut (bagi akaun bersama sahaja)</li> </ul>																
Amaun minimum bagi pembukaan Pelan	RM200																
Tempoh Akaun	Sehingga kanak-kanak tersebut berumur 18 tahun																
Kadar Keuntungan	<p>Kadar keuntungan akan ditentukan oleh dua faktor di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah deposit terkumpul oleh pelanggan ke dalam Pelan SmartSavers Junior-i mereka pada setiap bulan kalender; dan</li> <li>• Sebarang pengeluaran daripada Pelan SmartSavers Junior-i yang dilakukan pada setiap bulan kalender</li> </ul> <p>Kadar keuntungan yang dikenakan adalah seperti berikut:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th rowspan="2">Tier</th> <th rowspan="2">Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalender</th> <th colspan="2">Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*</th> </tr> <tr> <th>Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalender</th> <th>Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalender</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>RM0 – RM999.99</td> <td>0.85</td> <td>0.05</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>RM1,000 ke atas</td> <td>1.25</td> <td>0.05</td> </tr> </tbody> </table> <p>Kadar ini digunakan sewaktu penerbitan. Kadar terkini boleh didapatkan di laman web OCBC Malaysia. Keuntungan akan dibayar oleh OCBC Al-Amin pada kadar di tetapkan oleh OCBC Al-Amin. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.</p>			Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalender	Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*		Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalender	Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalender	1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05	2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05
Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalender	Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*															
		Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalender	Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalender														
1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05														
2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05														

**3.3 Akaun SmartSavers-i OCBC Al-Amin (SSA-i)**

**3.3.1 Ciri-ciri SSA-i**

Kelayakan	Berumur 18 tahun ke atas.
Amaun minimum bagi pembukaan Pelan	RM200
Kadar Keuntungan	<p>Kadar keuntungan akan ditentukan oleh dua faktor di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jumlah deposit terkumpul oleh pelanggan ke dalam Pelan SmartSavers-i mereka pada setiap bulan kalender; dan</li> <li>• Sebarang pengeluaran daripada Pelan SmartSavers-i yang dilakukan pada setiap bulan kalender</li> </ul>



	Kadar keuntungan yang dikenakan adalah seperti berikut:			
Tier	Jumlah deposit (RM) ke dalam akaun setiap bulan kalendar	Kadar Keuntungan (% setahun) pada masa penerbitan, 1 Oktober 2022*		Sekurang-kurangnya 1 pengeluaran sepanjang bulan kalendar
		Tiada pengeluaran sepanjang bulan kalendar	0.85	
1	RM0 – RM999.99	0.85	0.05	
2	RM1,000 ke atas	1.25	0.05	

Kadar ini digunakan semasa penerbitan. Kadar terkini boleh didapatkan di laman web OCBC Malaysia. Keuntungan akan dibayar oleh OCBC Al-Amin pada kadar di tetapkan oleh OCBC Al-Amin. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar keuntungan dan boleh berbuat demikian dengan meletakkan notis di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau di media massa.

### 3.4 Lain-lain ciri utama bagi SSJA-i dan SSA-i

Baki minimum bagi pengekalan akaun	RM20
Amaun Simpanan Bulanan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pelanggan boleh membuat arahan tetap (SI) dari akaun sedia ada bersama Bank atau membuat Arah Debit Lansung (DDA) dari akaun bank lain atau membuat deposit tunai melalui Mesin Deposit Tunai atau membuat pindahan wang melalui GIRO dan lain-lain bagi jumlah simpanan tetap bulanan.</li> <li>Jika pelanggan ingin membuat arahan tetap (SI), pelanggan perlu menetapkan amaun simpanan tetap bulanan sebaik membuka akaun. Amaun simpanan bulanan minimum adalah RM10 dan hendaklah dalam gandaan RM10. Pelanggan boleh membuat pertukaran amaun simpanan bulanan melalui arahan tetap yang baru; walaubagaimanapun pertukaran tersebut hanya boleh dilakukan sekali setiap tahun.</li> <li>Sebarang caj yang dikenakan oleh DDA daripada institut bukan bank akan ditanggung oleh pelanggan.</li> <li>Deposit secara ad hoc adalah dibenarkan.</li> </ul>
Kiraan Keuntungan	Kadar keuntungan akan dikira pada hujung hari berdasarkan baki di dalam Akaun Simpanan SmartSavers-i berdasarkan kadar yang berkenaan. Kadar keuntungan dikira berdasarkan kiraan harian dan akan dikreditkan bulanan pada hari akhir setiap bulan ke dalam Akaun SmartSavers-i (Keuntungan Bulanan).
Pengiraan Keuntungan jika Berlaku Penutupan Akaun	<p>Penutupan akaun akan dianggap sebagai pengeluaran.</p> <p>Sekiranya akaun ditutup, kadar keuntungan 0.05% setahun ("Kadar Keuntungan Minimum") dari (dan termasuk) hari pertama pada bulan tersebut dimana akaun ditutup sehingga hari Akaun SmartSavers-i ditutup ("Keuntungan Bulanan Hari Akaun Ditutup").</p>
Pengeluaran daripada Akaun	Pengeluaran daripada akaun didefinisikan mengikut dibawah tetapi tidak terhad kepada: <ul style="list-style-type: none"> <li>Penutupan akaun,</li> <li>pengeluaran Tunai</li> <li>Pemindahan Dana Automatik, Kebenaran Debit Penuh, Giro, Pemindahan dana, pemindahan antara bank Sweep daripada akaun.</li> </ul>
Perkhidmatan	Perbankan Internet, Kemudahan Sweep, Pindahan Dana secara Automatik, Interbank GIRO (IBG), Perbankan Mudah Alih, dan kad Debit (hanya untuk SSA-i)
Yuran Perkhidmatan Akaun	<ol style="list-style-type: none"> <li>Yuran penutupan akaun sebanyak RM20 jika akaun ditutup dalam tempoh 3 bulan dari tarikh pembukaan akaun.</li> <li>Cetakan semula penyata akan dikenakan caj RM10.00 setiap penyata.</li> <li>Sila rujuk Personal Banking &gt; Fees &amp; Charges di laman web OCBC Malaysia untuk yuran dan caj-caj lain</li> </ol>
Rekod	Berdasarkan penyata (bulanan)

- 3.5 Semua terma dan syarat sedia ada yang digunakan untuk produk dan perkhidmatan OCBC Al-Amin yang dirujuk di dalam terma dan syarat ini, termasuk dan tidak terhad kepada terma dan syarat yang digunakan untuk akaun deposit OCBC Al-Amin, kad debit-i OCBC Al-Amin, Perbankan Online dan Perbankan Internet OCBC Al-Amin, dsb. akan terus digunakan. Sekiranya terdapat peranggahan, terma dan syarat ini akan digunakan hanya sejauh mana mereka mentadbir hak dan obligasi Pelanggan Berkelayakan di bawah Pelan Simpanan SmartSavers-i OCBC.
- 3.6 OCBC Al-Amin tidak bertanggungjawab bagi apa-apa keingkaran kerana apa-apa perbuatan Tuhan, peperangan, rusuhan, mogok, keganasan, wabak, sekat-masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut atau apa juar keadaan di luar kawalan munasabah OCBC Al-Amin, kecuali kerugian yang berpunca daripada kecualian OCBC Al-Amin.
- 3.7 OCBC Al-Amin boleh, secara munasabah, selepas memberi notis 21 hari kalendar, mengubah suai terma dan syarat ini dengan menambah, membuang, menarik balik, menggantung, menamatkan atau mengubah mana-mana terma dan syarat dan manfaat. OCBC Al-Amin, secara munasabah dan selepas memberi notis dahuluan boleh mengubah Kadar Keuntungan dalam Pelan ini. Apa-apa modifikasi atau perubahan boleh dimaklumkan kepada anda dengan memaparkan notis umum di mana-mana cawangan OCBC Al-Amin atau laman web atau media massa dan notis itu akan berkuat kuasa dari tarikh yang dinyatakan dalam notis tersebut.
- 3.8 Sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam pengawalseliaan dan/atau polisi kewangan oleh Bank Negara, Persatuan Perbankan Islam dan Institusi-Institusi Kewangan Malaysia, dan mana-mana badan pentadbiran yang berkaitan, kadar keuntungan akan disemak semula sewajarnya dan kadar yang disemak semula ini akan berkuat kuasa pada tarikh yang tertera dalam notis/pengumuman. Pemberitahuan perubahan ini akan dibuat melalui pengumuman yang dipaparkan di cawangan atau di laman web OCBC Al-Amin atau mana-mana cara yang dianggap sesuai oleh OCBC Al-Amin.
- 3.9 Rekod dan keputusan OCBC Al-Amin tertakluk kepada ketidaan kesalahan nyata berkenaan sebarang perkara berkenaan Pelan Simpanan SmartSavers-i OCBC adalah mutlak, konklusif dan mengikat kesemua pihak termasuk Pelanggan Berkelayakan.